

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA / KONTRAKTOR

1. Sebutarga adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** di dalam **GRED G1 KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE01, CE21** serta yang masih dibenarkan membuat Sebutarga buat masa ini untuk kerja-kerja berikut:-

PENYELENGGARAAN JALAN DAN LONGKANG DI RPT BAGAN BARU , SELAMA PERAK
--

2. **HAK M.D.S. UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUTHARGA**

Majlis Daerah Selama adalah tidak terikat untuk menerima sebutarga yang terendah atau mana-mana Sebutarga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutarga. Keputusan Jawatankuasa Sebutarga adalah muktamad.

3. **CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

- 3.1 **PENYEDIAAN SEBUTHARGA**

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Borang Sebut Harga hendaklah dilengkapkan sepenuhnya.
- (b) Borang Ringkasan Sebutarga hendaklah di hargakan oleh kontraktor.
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan
- (d) Pengalaman Kerja Lepas
- (e) Jadual Kadar Harga, (jika ada)
- (f) Butir-Butir Spesifikasi (jika ada)
- (g) Pelan Tapak Bina dan Teknikal

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

- 3.2 **PENYERAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

- (a) Dokumen Sebutarga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatitkan dengan No. Sebutarga serta Tajuk Sebutarga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutarga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebutarga seperti alamat berikut ;

Yang DiPertua,
Majlis Daerah Selama,
34100 Selama Perak,

- (b) Jika Dokumen Sebutarga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebutarga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.
- (d) Kegagalan Kontraktor mengembalikan Dokumen Sebutarga pada tarikh tutup Sebutarga akan membolehkan Majlis mengambil tindakan tatatertib.

- 3.3 **PENJELASAN LANJUT**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutarga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi pejabat Bahagian Kejuruteraan Majlis Daerah Selama untuk penjelasan lanjut.

4. **PENJUALAN NASKAH SEBUTHARGA**

Naskah Sebutarga boleh diperolehi di Jabatan Bangunan & Kejuruteraan, Majlis Daerah Selama pada hari dan masa yang telah ditetapkan.

5. **PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebutarga ini hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

6. **TEMPOH SAHLAKU SEBUTHARGA**

Sebutarga ini sah selama **90 hari** dari tarikh tutup Sebutarga, jika tidak dinyatakan. Kontraktor tidak boleh menarik balik Sebutarga sebelum tamat tempoh sah Sebutarga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Kontraktor menarik balik Sebutarga sebelum tamat tempoh sah Sebutarga.

7. **NOTIS**
Sebarang notis kepada Penyebutharga akan dihantar dengan tangan atau diposkan berdasarkan alamat yang diberikan di dalam Naskah Sebutharga.
8. **PINDAAN / TAMBAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA**
Penyebutharga tidak dibenarkan membuat apa-apa perubahan atau tambahan kepada Borang Sebutharga atau mana-mana bahagian dalam Naskah Sebutharga yang boleh dianggap mengenakan had syarat sediada.
9. **SURAT MENYURAT DARI PENYEBUTHARGA YANG TIDAK BERJAYA**
Pihak Majlis Daerah Selama tidak akan melayan sebarang surat menyurat dari Penyebutharga mengenai sebab-sebab sebutharga mereka tidak berjaya.
10. **PENOLAKAN SEBUTHARGA**
Penyebutharga yang gagal memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan di atas menyebabkan penolakan sepenuhnya penyertaan sebutharga tersebut oleh Pihak Majlis Daerah Selama.
11. **HAK MAJLIS DAERAH SELAMA UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUTHARGA**
Majlis Daerah Selama adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga terendah atau mana-mana sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.
12. **DENDA KELEWATAN**
Kadar denda Gantirugi Tertentu dan Gantirugi Ditetapkan kerana kerja tak siap adalah berjumlah **RM 20.00 sehari** jika tidak dinyatakan.
13. **LAWATAN TAPAK**
Lawatan Tapak adalah tidak diwajibkan sekiranya tidak dinyatakan. Walaubagaimanapun pihak penyebutharga adalah digalakkan untuk melawat tapak bagi mengetahui keadaan sebenar ditapak sebelum menghargakan sebutharga. Pihak Majlis tidak akan menanggung apa-apa kos yang berbangkit untuk tujuan tersebut. Kos terbabit adalah dibawah tanggungan pihak penyebutharga itu sendiri.
14. **DOKUMEN MEJA SEBUTHARGA**
Dokumen akan dipamerkan di alamat berikut :-

Bahagian Kejuruteraan,
Majlis Daerah Selama,
34100 Selama Perak.
15. **TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN**
Tempoh tanggungan kecacatan untuk kerja yang tidak melebihi had nilai RM 500,000.00 adalah enam (6) bulan bermula dari tarikh penyerahan kepada Majlis iaitu Tarikh Siap Kerja dan kontraktor dikehendaki membaiki segala kecacatan yang berlaku dalam tempoh tersebut.
16. **INSURAN**
Pihak kontraktor yang dilantik hendaklah dengan seberapa segera menyediakan insuran – insuran berikut :-
(a). Insuran Pampasan Pekerja
(b). Insuran Tanggungan Awam
(c). Insuran Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-Butir Ringkasan Sebutharga).
17. **PEMBERSIHAN TAPAKBINA SELEPAS SIAP**
Setelah kerja-kerja siap, tapakbina hendaklah dibersihkan dari sampah sarap dan memuaskn Pegawai Inden.

18.

KESALAHAN RASUAH

Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang yang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA

1. PEMERIKSAAN TAPAKBINA

Kontraktor adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti Tapakbina dan sekitarnya, bentuk dan jenis Tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke Tapakbina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURAN

Kontraktor hendaklah atas nama bersama **MAJLIS DAERAH SELAMA** mengambil insuran seperti berikut:-

- a).Insuran Pampasan Pekerja (Workmen Compensation)
- b).Insuran Liabiliti Awam
- c).Insuran Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-Butir Ringkasan Sebutharga).
- d).Nombor Pendaftaran dengan PERKESO bagi kesemua pekerjanya

Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insuran dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan kerja pihak kontraktor dikehendaki mengemukakan Nota Liputan dan resit-resit bayaran premium asal yang telah dibayar kepada Majlis. Pihak kontraktor dikehendaki dalam tempoh tidak lewat tiga puluh hari (30) menyerahkan polisi – polisi insuran asal kepada pihak Majlis. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi Insuran dalam tempoh tersebut, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti dibawah Fasal 10 (d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebutharga dan Syarat-Syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga ini dan Arahan Pegawai Inden atau wakilnya.

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden Kerja, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mensub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-Kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja-kerja yang tidak menepati Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

7. BORANG RINGKASAN SEBUTHARGA

- i. Borang Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebutharga.
- ii. Harga-harga dalam Borang Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi menyiapkan Kerja dengan sempurnanya.
- iii. Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebutharga atau dalam tempoh Kerja.
- iv. Harga-harga dalam Borang Ringkasan Sebutharga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahnya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Borang Ringkasan Sebutharga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- v. Apa-apa pelarasan harga dalam Borang Ringkasan Sebutharga menurut perenggan (iv) tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga hendaklah tetap tidak berubah.

8. PERCANGGAHAN DALAM DOKUMEN SEBUTHARGA

Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebutharga, dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden Kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden :-

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lambat/merosot tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. KERJA PERUBAHAN

(a) Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan Sebutharga ini.

(b) Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Jadual Harga/ Senarai Harga / Ringkasan Sebutharga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian / munasabah, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan Kontraktor hendaklah digunakan.

11. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang-Undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan Syarat-Syarat ini.

12. GANTIRUGI KERANA TAK SIAP

Jika kontraktor tidak menyiapkan kerja pada Tarikh Siap yang dinyatakan di dalam Inden atau dalam suatu masa lanjutan yang telah diluluskan dan Pegawai Inden memperakui secara bertulis bahawa pada pendapatnya kerja tersebut dengan munasabahnya sepatutnya telah siap. Kontraktor hendaklah membayar atau membebankan kepada Kerajaan / Majlis suatu jumlah wang yang dikira mengikut kadar yang dinyatakan sebagai Gantirugi Tertentu dan Gantirugi Ditetapkan selama tempoh kerja tersebut terus berkeadaan begitu taksip dan Pegawai Inden boleh memotong dari apa-apa wang yang kena bayar kepada kontraktor sebagai denda gantirugi. Perakuan yang dikeluarkan dibawah sayarat ini adalah Perakuan Kerja Tidak Siap.

13. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

13.1 Tempoh tanggungan kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrikal dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.

13.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa – apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.

13.3 Sekiranya kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantung pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrikal/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

- 13.4 Bagi kerja yang kosnya antara RM20,000.00 hingga RM500,000.00 Penyebutharga disyaratkan supaya bertanggungjawab untuk memperbaiki segala kerosakan dalam tempoh masa kecacatan yang disebabkan mutu bahan binaan atau kecuaiian semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan. Tempoh tanggungan kecacatan adalah sebagaimana berikut :-

HARGA KONTRAK		TEMPOH
a) Di bawah	- RM500,000.00	6 bulan
b) RM500,001.00	- Ke atas	12 bulan

- 13.5 Pada bila-bila masa dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan, apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati Kontrak ini, hendaklah diberitahu kepada Pegawai Inden dalam suatu arahan bertulis kepada Penyebutharga yang hendaklah dalam masa yang berpatutan yang dinyatakan di dalamnya olehnya Pegawai Inden membaiki kecacatan, kesempurnaan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Penyebutharga sendiri.
- 13.6 Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Jadual Kecacatan yang akan dikemukakan kepada Penyebutharga dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh tamat tempoh kecacatan dan Penyebutharga hendaklah menyempurnakan kerja-kerja pembaikan itu sebelum tarikh tamat tempoh kecacatan.
- 13.7 Jika kontraktor tidak mematuhi subfasal (d) atau (c) atau kedua-duanya dalam masa yang dinyatakan itu, bahan –bahan atau kerja yang terjejas sedemikian itu boleh diperbaiki dengan apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Pegawai Inden dan dalam hal yang sedemikian kos yang ditanggung baginya hendaklah dipotong dari baki wang yang akan dibayar kepada Penyebutharga atau, jika baki itu tidak ada, kos itu hendaklah didapatkan kembali dari Bon Pelaksanaan atau sebagainya suatu wang tuntutan tertentu.
- 13.8 Jika sesuatu kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang pada pendapat Pegawai Inden adalah tidak praktik atau tidak mudah bagi kerajaan untuk meminta kepada Penyebutharga supaya membaikinya, maka Pegawai Inden hendaklah menentukan kesusutan nilai kerja oleh sebab adanya kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain dan memotong jumlah kekusutan nilai itu daripada baki jumlah wang yang akan dibayar kepada Penyebutharga atau jika tidak dibaiki, jumlah itu hendaklah didapatkan balik dari Bon Pelaksanaan / wang tahanan atau sebagainya suatu wang tuntutan tertentu.
- 13.9 Apabila pada pendapat Pegawai Inden, Penyebutharga telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua pun kerosakan lain yang dikehendaki diperbaikinya di bawah sub Fasal (b) atau (c) atau kedua-duanya, Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan suatu perakuan bagi maksud itu, dan tarikh yang tersebut dalam perakuan itu hendaklah tarikh Penyebutharga siap membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain itu. Perakuan tersebut hendaklah disebut "Perakuan Siap Membaiki Kecacatan".

14. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah Kontraktor menyiapkan Kerja dengan sepenuhnya dan dalam tempoh seberapa segera mengembalikan Inden Kerja Asal berserta dokumen – dokumen berikut ;

- Surat Tuntutan Kontraktor
- Surat Akuan Pesuruhjaya Sumpah
- Penyata Akaun Bank (jika berkaitan)
- Surat Ikatan Serah Hak / Perjanjian Pemfaktoran (jika berkaitan)
- Salinan Sijil Pendaftaran PKK / CIDB / KEM. KEWANGAN yang masih sah.

15. TINDAKAN TATATERTIB

- Apabila penyebutharga enggan menerima sebutharga setelah ditawarkan kepadanya, selaras dengan keputusan yang telah dibuat , ataupun menarik diri dalam tempoh sah laku tawaran, atau mengemukakan maklumat palsu, pendaftaran tuan akan digantung selama **tiga (3) bulan** untuk sebarang penyertaan sebutharga di Majlis Daerah Selama bagi kesalahan pertama dan **enam (6) bulan** bagi kesalahan kedua kalinya dan bagi ketiga dan seterusnya selama **satu (1) tahun**.
- Bagi penyebutharga yang ditamatkan pengambilan kerja penyebutharga akan sebab-sebab seperti di Fasal 9, pendaftaran akan digantung selama satu (1) tahun untuk sebarang penyertaan sebutharga di Majlis Daerah Selama atau suatu tempoh yang ditetapkan oleh Agensi Pusat seperti Kementerian Kewangan Malaysia.

16. KEBERSIHAN TAPAK

Pihak kontraktor dikehendaki menjaga kebersihan di tapak bina dari masa ke semasa di dalam tempoh kerja sedang dijalankan dan setelah siap kerja dibuat.

17. **KAEDAH PEMBAYARAN**

Bayaran akan dibuat setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sepenuhnya sebagaimana mengikut syarat-syarat atau spesifikasi yang telah ditetapkan.

Bagi tempoh kontrak yang melebihi 6 bulan, pembayaran akan dibuat pada setiap bulan berdasarkan kemajuan kerja di tapak. Penyerahan tuntutan hendaklah dibuat sebelum 5hb pada setiap bulan bagi tuntutan bulan sebelumnya sehingga tamat tempoh kontrak. Pihak MPBP berhak membuat pemotongan sekiranya kerja-kerja di tapak tidak memuaskan sebagaimana arahan P.I. dan spesifikasi yang telah ditetapkan.

18. **PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN**

Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah digantikan dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

19. **PENGUKURAN KUANTITI SEMENTARA**

Setelah kerja-kerja yang melibatkan kuantiti sementara disiapkan di tapak, pengukuran semula kuantiti hendaklah dibuat dengan kehadiran kedua-dua belah pihak.

20. **PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

Borang Perjanjian Inden Kerja, Surat Akuan Pembida Berjaya yang ditandatangani oleh kontraktor dan dokumen sebutharga hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditafsirkan sebagai sebahagian daripada kontrak ini.

Dokumen sebutharga adalah dikira sebagai saling jelas menjelaskan antara satu sama lain.

Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehingga siap mengikut tujuan dan maksud sebenar Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan dan maksud itu boleh difahamkan dengan munasabah dari Dokumen Sebut Harga.

Jika kontraktor mendapati apa-apa pecanggahan dalam Dokumen Sebutharga, Kontraktor hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk keputusan dalam tempoh 3 hari.

21. **KESALAHAN RASUAH**

Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang yang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).